

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

Xing Xing, Liang Liang dapat anak kedua

→ Kelahiran catat sejarah Program Konservasi Panda Gergasi negara

Oleh Syalikhha Sazili
syalikhha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pasangan panda gergasi Xing Xing dan Liang Liang menerima kelahiran anak kedua seberat 150 gram pada jam 7.50 pagi, 14 Januari lalu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata berita gembira kelahiran kedua anak pasangan panda itu dengan sendirinya mencatat sejarah Program Konservasi Panda Gergasi negara.

“Malaysia adalah negara perta-

ma di dunia yang menerima kelahiran anak panda gergasi secara semula jadi, setahun setengah selepas kelahiran anak pertama, Nuan Nuan.

“Ibu panda gergasi ini dilaporkan dalam keadaan sihat.

“Ketika ini, dua beranak itu masih dikuarantin dan tidak akan dipamerkan kepada pengunjung sehingga tempoh ditetapkan bagi memastikan tahap kesihatan mereka baik,” katanya pada sidang media di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara, di sini, semalam.

Jantina belum dikenal pasti

Wan Junaidi berkata, jantina bayi panda itu belum dikenal pasti kerana Liang Liang masih melindungi anaknya yang dalam fasa menyusui.

Katanya, pemantauan secara intensif dilakukan oleh Pegawai Veterinar di Zoo Negara sejak kelahiran terbabit dilaporkan.

“Kelahiran ini membuktikan pe-

ngurusan Konservasi Panda Gergasi di Malaysia berada pada tahap terbaik hasil kerjasama pakar pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

“Menerusi program ini, negara berpeluang menjalankan penyelidikan ke atas panda gergasi selain meningkatkan kepakaran tempatan melalui pemindahan teknologi dari China, terutama dalam pembiakan secara tiruan dan persekitaran terkawal,” katanya.

Liang Liang dilaporkan bunting selama 89 hari sebelum melahirkan anak keduanya.

Wan Junaidi berkata, Malaysia akan memaklumkan kelahiran anak panda kedua itu kepada China dalam masa terdekat.

“Kita juga akan membincangkan beberapa perkara berkaitan perjanjian yang dimeterai menerusi Projek Kerjasama Konservasi Antarabangsa, termasuk hasrat memelihara anak panda itu,” katanya.

Pada 21 Mei 2014, Malaysia menerima pasangan panda gergasi



Liang Liang memeluk anak yang baru dilahirkan (gambar kecil) pada 14 Januari lalu di Kompleks Konservasi Giant Panda, Zoo Negara.

Xing Xing dan Liang Liang dari Kerajaan China sebagai meraikan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Nuan Nuan yang juga anak pertama pasangan itu, dilahirkan pada 18 Ogos 2015 sebelum dihantar pulang ke China pada 14 November lalu sebagai memenuhi syarat perjanjian kedua-dua negara.

Sementara itu, dalam kenyataan yang dikeluarkan Kedutaan Besar China ke Malaysia berkata, pihaknya berbesar hati untuk memaklumkan kepada seluruh rakyat Ma-

laysia mengenai berita kelahiran berkenaan.

“Kedutaan China ke Malaysia sangat berbesar hati untuk berkongsi berita ini kepada seluruh rakyat Malaysia mengenai kehadiran anak kedua pasangan Liang Liang dan Xiang Xiang.

“Pasangan panda ini pernah menetap di Malaysia sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik China-Malaysia. Mereka disukai oleh rakyat negara ini dan menjadi lambang persahabatan penting kepada kedua-dua negara,” katanya.